

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Analisis penganggaran sabah dan Labuan dari tahun 2000 hingga 2003

Ijazah: Sarjana muda sains dan Teknologi

SESI PENGAJIAN: 2002/2005

Saya GOH MEI LING
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPS/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

Goh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: 62, Jalan 2, Taman

Prof. Madya Dr. Amran Ahmed

Nama Penyalia

Telok Indah, Sungai Telok,

43000 Kajang Selangor

Tarikh: 28/3/05

Tarikh: _____

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



ANALISIS PENGANGGURAN SABAH
DAN LABUAN DARI TAHUN
2000 HINGGA 2003

GOH MEI LING

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SAUJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN

PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MAC 2005



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

31 Mac 2005



GOH MEI LING

HS2002-3808




DIPERAKUAN OLEH


Tandatangan

1. PENYELIA


(PROF. MADYA DR AMRAN AHMED)

**2. PEMERIKSA 1**


(EN VICTOR TIONG KUNG MING)

**3. PEMERIKSA 2**

(CIK DARMESAH GABDA)

**4. DEKAN**

(PROF. MADYA DR AMRAN AHMED)



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada penyelia saya Prof. Madya Dr Amran Ahmed dan semua pensyarah Matematik dengan Ekonomi atas tunjuk ajar supaya saya dapat menyiapkan tesis saya dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Di samping itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya yang telah memberi sokongan moral dan kewangan kepada saya supaya saya dapat menyiapkan tesis saya dengan lancar.

Tambahan pula, kakitangan Jabatan Tenaga Pekerja, Puan Agata yang banyak menolong saya terutama untuk mendapatkan data yang lengkap supaya saya dapat menyiapkan tesis saya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas pertolongan rakan saya yang bernama Mariani, Mei Fang, Li Lian dan Chooi Yin.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka.



ABSTRAK

Disertasi ini adalah bertujuan untuk mengkaji masalah pengangguran dari segi umur, jantina, tahap pendidikan dan kawasan. Dalam kajian ini, hubungan antara bilangan kes pengangguran dengan bilangan kekosongan jawatan telah dikenalpasti. Kajian ini menguji sama ada sampel yang diambil adalah homogeneous dari segi umur, jantina, tahap pendidikan dalam kawasan yang dikaji. Data yang digunakan adalah data sekunder. Data tersebut diperolehi daripada Jabatan Tenaga Pekerja Sabah dari tahun 2000 sehingga 2003 dalam bentuk bulanan. Ujian korelasi dan ujian khi kuasadua telah digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa taburan kes pengangguran adalah tidak homogeneous. Di kawasan Kota Kinabalu, pemuda dalam lingkungan 20 hingga 24 tahun, perempuan dan tahap pendidikan SPM merupakan kumpulan yang mempunyai kes pengangguran yang paling ketara. Juga didapati bahawa kekosongan jawatan dan kes pengangguran tidak mempunyai hubungan yang kuat.



**ANALYSIS OF UNEMPLOYMENT IN SABAH AND LABUAN
FROM 2000 TO 2003**

ABSTRACT

The purpose of this dissertation is to investigate the phenomena of unemployment based on different categories such as age, gender, education level and region. This research also analyzes the relationship between unemployment cases and job vacancies. This study was also carried out to determine whether this samples that had been taken from the homogeneous population by group of age, gender, education and the study area. This study used chi square test and correlation test. Results show that the unemployment situation at each area and variables are not homogeneous. Youngster age between 20 to 24, female, SPM level education, in Kota Kinabalu area are cases with the highest number of unemployment. Meanwhile, the relationship between unemployment cases and job vacancies is not strong.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SIMBOL	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	1
1.2 JENIS-JENIS PENGANGGURAN	3
1.3 ISTILAH PENDAFTARAN PEKERJAAN JABATAN TENAGA PEKERJA	5
1.4 PENGIRAAN KADAR PENGANGGURAN	6
1.4.1 Kadar Pengangguran	6
1.4.2 Kadar Pengangguran Semulajadi	7
1.5 PERMASALAHAN KAJIAN	7
1.6 TUJUAN KAJIAN	8
1.7 OBJEKTIF KAJIAN	8
1.8 KEPENTINGAN KAJIAN	9
1.9 SKOP KAJIAN	9
1.10 SUMBER DAN BAHAN	9
BAB 2 ULASAN PERPUSTAKAAN	10
2.1 DEFINISI PENGANGGURAN	10
2.2 KEADAAN TENAGA PEKERJA MALAYSIA	12



2.2.1	Faktor-Faktor Berlaku Pengangguran Di Malaysia	13
2.3	KAJIAN LAMPAU	15
2.3.1	Kajian Tentang Perbezaan Jantina Dalam Isu Pengangguran	15
2.3.2	Kajian Tentang Perkembangan Pengangguran	16
2.3.3	Kajian Tentang Perbezaan Umur Dalam Isu Pengangguran	18
2.3.4	Kajian Tentang Pengangguran Jangka Masa Panjang Dan Jangka Masa Pendek	20
BAB 3	KAEDAH	22
3.1	PENGENALAN	22
3.2	RANGKAIAN KOMPUTER	24
3.3	KORELASI	24
3.3.1	Pekali Korelasi	26
3.3.2	Pentafsiran Pekali Korelasi	27
3.3.3	Pengujian Korelasi	28
3.4	UJIAN KHI KUASADUA	28
3.4.1	Andaian-andaian Ujian Khi Kuasadua	29
3.4.2	Jenis Ujian Khi Kuasadua	30
3.4.3	Jadual Kontigensi rxc	31
3.4.4	Pengujian Khi Kuasadua	32
BAB 4	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN	34
4.1	PENDAHULUAN	34
4.2	STATISTIK BERPERIHALAN	35
4.2.1	Perbandingan Kes Pengangguran Dan Kekosongan Jawatan Di Kawasan Sabah Dan Labuan	36
4.2.2	Perbandingan Kes Pengangguran Di Kawasan Sabah Dan Labuan	38
4.2.3	Perbandingan Antara Kes Pengangguran Dengan Jantina Setiap Tahun	39
4.2.4	Perbandingan Kes Pengangguran Mengikut Kategori Umur	



	Setiap Tahun	40
4.2.5	Perbandingan Kes Pengangguran Mengikut Tahap Pendidikan Setiap Tahun	41
4.3	ANALISIS KORELASI	42
4.4	ANALISIS UJIAN KHI KUASADUA HOMOGENEITI	44
4.4.1	Kawasan Dan Jantina	44
4.4.2	Kawasan Dan Tahap Pendidikan	45
4.4.3	Kawasan Dan Umur	47
4.5	KEPUTUSAN ANALISIS	48
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	54
5.1	PERBINCANGAN	54
5.2	CADANGAN	55
5.3	KESIMPULAN	57
	RUJUKAN	61
	LAMPIRAN A	63
	LAMPIRAN B	65
	LAMPIRAN C	66
	LAMPIRAN D	68
	LAMPIRAN E	72



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Pembolehubah dan kategori pembolehubah	23
3.2 Jadual kontigensi $r \times c$	31
4.1 Kekuatan hubungan di antara pengangguran dengan kekosongan jawatan	43
4.2 Kekuatan hubungan pengangguran dengan kekosongan jawatan selepas mengawasi kawasan	43
4.3 Kekерapan pengangguran mengikut kawasan dan jantina	45
4.4 Kekерapan pengangguran mengikut kawasan dan tahap pendidikan	46
4.5 Kekерapan pengangguran mengikut kawasan dan umur	48
4.6 Ringkasan keputusan analisis ujian statistik berperihalan	50
4.7 Ringkasan keputusan analisis ujian korelasi	51
4.8 Ringkasan keputusan ujian khi kuasadua	52



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kekosongan jawatan mengikut sektor pekerjaan pada tahun 2001	14
3.1 Gambarajah sebatan antara x dan y	25
3.2 Gambarajah sebatan antara x dan y	26
3.3 Gambarajah sebatan antara x dan y	26
4.1 Min kes pengangguran mengikut jawatan kosong dan kawasan Sabah dan Labuan pada tahun 2000	36
4.2 Min kes pengangguran mengikut jawatan kosong dan kawasan Sabah dan Labuan pada tahun 2001	36
4.3 Min kes pengangguran mengikut jawatan kosong dan kawasan Sabah dan Labuan pada tahun 2002	37
4.4 Min kes pengangguran mengikut jawatan kosong dan kawasan Sabah dan Labuan pada tahun 2003	37
4.5 Pengangguran di setiap kawasan Sabah dan Labuan	38
4.6 Min kes pengangguran lelaki dan perempuan dari tahun 2000 hingga 2003	39
4.7 Min kes pengangguran bagi setiap kategori umur dari tahun 2000 hingga 2003	40
4.8 Min kes pengangguran bagi setiap tahap pendidikan dari tahun 2000 hingga 2003	41
4.9 Gambarajah sebaran yang menerangkan hubungan pengangguran dengan jawatan kosong mengikut tahun	42



SENARAI SIMBOL

=	sama dengan
<	lebih kecil daripada
+	tambah
-	tolak
x	darab
÷	bahagi
H_0	hipotesis nol
H_1	hipotesis alternatif
α	aras keertian
dk	darjah kebebasan
r	nilai koralasi
χ^2	khi kuasadua
P	nilai p
v	cramer's
O_{ij}	nilai cerapan ke-ij
E_{ij}	nilai cerapan ke-ij



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengangguran merupakan satu fenomena yang mempengaruhi ekonomi sesebuah negara. Pengangguran yang tinggi mencerminkan penggunaan tenaga pekerja yang rendah. Setiap negara menghadapi kadar pengangguran kira-kira 2.4% secara purata. Bagi negara yang menghadapi kadar pengangguran melebihi 4%, negara tersebut adalah dikategorikan sebagai dalam keadaan yang kritikal (Abel, 1998). Pelbagai faktor yang mengakibatkan berlakunya pengangguran, contohnya globalisasi. Ramai ahli ekonomi berasa risau globalisasi akan menyebabkan pengangguran meningkat. Pada pendapat ahli ekonomi, globalisasi akan mengakibatkan ramai peniaga tempatan memindah peniaga mereka ke luar negara. Tetapi Kajian Harms dan Hefeker (2003) menolak ramalan ini. Menurut kertas Harms dan Hefeker (2003), globalisasi akan membawa kesan positif terhadap pengangguran. Selain faktor globalisasi pengangguran berlaku juga disebabkan sikap penganggur sendiri. Pada tahun 1930, kebanyakan penganggur kehilangan kerja disebabkan penganggur berharap untuk mendapat kerja yang menawarkan gaji yang jauh lebih tinggi (Dawson, 1992). Menurut Kementerian sumber manusia (2001), ramai graduan yang berpendidik tinggi



tidak bekerja di Malaysia. Hal ini berlaku disebabkan beberapa faktor iaitu penganggur terlalu memilih kerja, penguasaan bahasa yang lemah, tidak mempunyai kemahiran bekerja yang memenuhi kehendak pasaran dan sebagainya.

Masalah pengangguran akan membantut perkembangan ekonomi negara dan meningkatkan masalah sosial. Pada pandangan ahli ekonomi, penganggur juga mempengaruhi permintaan barangan di pasaran. Pengangguran akan menyebabkan seseorang tidak mempunyai punca pendapatan dan oleh itu seseorang itu tidak dapat berbelanja untuk menanggung kehidupannya. Maka, ini akan menjejaskan ekonomi negara. Oleh itu, perkembangan ekonomi akan turut terbantut (Dawson, 1992). Seseorang yang kehilangan punca pendapatan pula akan menggunakan cara yang lain untuk mendapatkan wang seperti mencuri dan menipu. Dengan ini masalah sosial juga turut meningkat.

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk memudahkan graduan baru untuk mendapatkan pekerjaan. Antara pekerjaan yang ditawarkan oleh kerajaan adalah guru separuh masa atau memberi bantuan kewangan untuk membuka perniagaan secara kecil-kecilan. Notis dan iklan tentang peluang pekerjaan disiarkan melalui media massa seperti suratkhobar, radio dan internet.

Menurut laporan tahunan 2001, Jabatan Tenaga Pekerja Sabah telah menjalankan pemeriksaan tempat pekerjaan pada tahun 2001. Semasa menjalankan pemeriksaan berkanun, usaha telah dilakukan untuk mengesan tempat pekerjaan baru yang masih belum didaftarkan di bawah jabatan ini. Pada tahun 2001, sebanyak 159 tempat pekerjaan baru telah dapat dikesan. Tetapi bilangan ini berkurangan sebanyak



59% jika dibandingkan dengan tempat pekerjaan baru yang dikesan pada tahun 2000 iaitu sebanyak 384 tempat.

Di samping itu, kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah berkesan bagi meningkatkan produktiviti pekerja dan juga meningkatkan penawaran tenaga manusia berkemahiran. Menurut laporan ekonomi pada tahun 2002/2003, kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM 300 juta untuk skim latihan khas bagi program teknologi maklumat, matematik dan bahasa, keusahawan pertanian komersial dan penempatan di agensi kerajaan, universiti-universiti awam, firma profesional dan syarikat industri kecil dan sederhana.

1.2 Jenis-Jenis Pengangguran

Pengangguran boleh dikategorikan kepada tiga jenis utama iaitu pengangguran geseran, pengangguran kitaran dan pengangguran struktur.

a. Pengangguran Geseran

Pengangguran geseran merupakan pengangguran yang berlaku dalam satu jangka masa yang pendek. Pengangguran geseran berlaku apabila pekerja-pekerja berhenti kerja untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik. Pengangguran jenis ini sentiasa berlaku tetapi tidak mendatangkan masalah yang serius kepada ekonomi negara (Wooding, 1997). Memandangkan pengangguran geseran hanya dalam jangka masa, dengan kata lain, penganggur hanya menganggur dalam jangka masa yang pendek. Maka ia juga dikenali sebagai pengangguran normal.



b. Pengangguran Kitaran

Pengangguran kitaran berlaku disebabkan oleh peningkatan dan penurunan yang drastik dalam permintaan agregat (perjualan). Penurunan permintaan agregat akan menyebabkan penurunan dalam pengeluaran dan seterusnya menyebabkan penurunan dalam penggunaan tenaga pekerja dan akhirnya pengangguran berlaku. Jenis pengangguran ini mendatangkan masalah yang serius kepada ekonomi negara. Pengangguran ini mempengaruhi kebanyakan sektor-sektor pengeluaran yang terlibat dalam ekonomi negara secara besar-besaran dan masalah sukar diatasi. Ahli ekonomi England Keynes, mendapati bahawa pengangguran kitaran dapat diatasi dengan meningkatkan tahap permintaan agregat. Contohnya, kerajaan dapat meningkatkan tahap permintaan dengan menambahkan perbelanjaannya. Dengan itu, peningkatan permintaan agregat dapat mengurangkan pengangguran (Dunnett, 1997).

c. Pengangguran Struktur

Pengangguran struktur adalah disebabkan oleh perubahan struktur sesebuah ekonomi yang menyebabkan permintaan tenaga pekerja bagi sesetengah sektor ekonomi mengalami kemerosotan. Kemerosotan ini timbul kerana penurunan permintaan atas barang-barang yang dikeluarkan oleh sektor-sektor ekonomi tertentu. Penurunan ekonomi tersebut mungkin disebabkan oleh perubahan citarasa masyarakat dan wujudnya pengganti-pengganti baru yang lebih berkualiti. Akibat daripada penurunan permintaan tersebut, sektor-sektor ekonomi berkenaan terpaksa mengurangkan penggunaan tenaga pekerja. Pengangguran struktur merupakan jenis pengangguran yang berbentuk jangka panjang (Courant dan Lipsey, 1996).



1.3 ISTILAH PENDAFTARAN PEKERJAAN JABATAN TENAGA PEKERJA

Dalam data pengangguran oleh Jabatan Tenaga Pekerja (2001), empat istilah khas digunakan iaitu pendaftar aktif, pendaftar baru, kekosongan jawatan dan penempatan.

a. Pendaftar Aktif

Pendaftar aktif merujuk kepada individu yang telah mendaftar di Jabatan Tenaga Pekerja untuk mencari pekerjaan dan tempoh pendaftaran adalah sah laku. Tempoh sah laku pendaftaran adalah selama tiga bulan bermula dari tarikh pendaftaran atau tarikh membaharui pendaftaran.

b. Pendaftar Baru

Pendaftar baru merujuk kepada individu yang ingin mencari kerja yang mendaftar diri buat kali pertama di Jabatan Tenaga Pekerja. Ini juga termasuk individu yang berdaftar semula selepas pendaftaran sebelumnya telah luput.

c. Kekosongan Jawatan

Kekosongan jawatan bermaksud kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan kepada Jabatan Tenaga Pekerja. Kekosongan jawatan yang telah dilaporkan pada bulan sebelumnya dan masih belum diisi dalam bulan semasa, tidak diambil kira pada bulan semasa.



d. Penempatan

Penempatan ialah angka penempatan meliputi penempatan secara tetap dan tidak termasuk penempatan sementara yang dilaporkan oleh majikan Jabatan Tenaga Pekerja.

1.4 PENGIRAAN KADAR PENGANGGURAN

Kadar pengangguran merupakan kunci menentukan pencapaian ekonomi sesebuah negara. Dalam tafsiran ahli ekonomi, kadar pengangguran yang tinggi bermaksud pembaziran sumber tenaga pekerja (DeLong, 2002).

1.4.1 Kadar Pengangguran

Kadar pengangguran merujuk kepada nisbah penganggur dengan jumlah tenaga pekerja. Jumlah tenaga pekerja adalah termasuk orang yang sedang bekerja serta penganggur (DeLong, 2002). Ahli ekonomi berpendapat bahawa kadar pengangguran tidak akan bernilai sifar walaupun penggunaan tenaga kerja penuh terjadi. Pada kebiasaannya, kadar pengangguran adalah dalam bentuk peratusan.

Kadar penganggur = Jumlah bilangan penganggur ÷ Jumlah bilangan tenaga pekerja



1.4.2 Kadar Pengangguran Semulajadi

Kadar pengangguran semulajadi merujuk kepada nisbah jumlah pengangguran geseran dan pengangguran struktur dengan jumlah pengangguran. Ramai ahli ekonomi percaya bahawa kadar pengangguran semulajadi adalah dalam lingkungan 4% hingga 5% pada tahun 1950 dan kemudiannya meningkat sehingga 6% pada tahun 1980 (Abel, 1998).

Kadar pengangguran semulajadi

= (Jum. pengangguran geseran+ Jum. pengangguran struktur) ÷ Jum. pengangguran

1.5 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam kajian ini, beberapa masalah turut dihadapi iaitu data yang diperoleh daripada Jabatan Tenaga Pekerja tidak menunjukkan kadar pengangguran yang menyeluruh di Sabah kerana tidak semua penganggur mendaftar diri sebagai penganggur kepada Jabatan Tenaga Pekerja. Maka kajian yang dilakukan tidak dapat menggambarkan kadar pengangguran yang sebenar di Sabah.

Tambahan pula, hal-hal yang berkaitan seperti pusing ganti pekerja dan juga pertukaran kerja kerap berlaku pada hari ini menyebabkan kesukaran dalam menentukan bilangan pengangguran yang sebenar di Sabah.



Selain itu, dalam kajian ini, kadar pengangguran tidak digunakan dalam analisis kerana data jumlah bilangan tenaga pekerja mengikut kategori kawasan tidak diperolehi.

Sementara itu, data yang diperolehi hanya mempunyai 4 tahun sahaja. Catatan data-data pengangguran sebelum tahun 2000 adalah dalam bentuk tulisan tangan. Oleh itu, banyak maklumat tidak dapat dirujuk balik dan akan menggunakan masa yang banyak untuk mencari data. Disebabkan kesuntukan masa, maka kajian ini hanya menggunakan data selama 4 tahun.

1.6 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk memberi panduan kepada kerajaan Sabah untuk memajukan kawasan di Sabah.

1.7 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menentukan bilangan kes pengangguran yang paling banyak mengikut kategori umur, jantina, tahap pendidikan dan kawasan.
2. Menguji hubungan antara pembolehubah penganggur dengan kekosongan jawatan di Sabah dan Labuan.
3. Menentukan pengangguran adalah bertabur secara homogeneous atau sebaliknya di kawasan Sabah dan Labuan.



1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk menentukan kawasan atau bahagian tempat yang mengalami masalah pengangguran yang paling serius di Sabah supaya kerajaan dapat memajukan kawasan berkenaan. Kajian pengangguran di Sabah dan Labuan dapat mencerminkan kadar pengangguran mempunyai hubungkait dengan perkembangan ekonomi Malaysia.

Di samping itu, kajian ini juga akan menentukan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengangguran di Sabah. Dengan itu, kerajaan dapat mengatasi masalah isu pengangguran dengan lebih berkesan.

1.9 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah tertumpu kepada penganggur yang berdaftar sebagai penganggur di Jabatan Tenaga Pekerja dan dikategorikan mengikut umur, jantina, tahap pendidikan, bulanan dan tempat iaitu Kota Kinabalu, Beaufort, Lahad Datu, Keningau, Tawau, Kudat, Sandakan dan Labuan dari tahun 2000 hingga 2003. Jumlah penganggur yang terlibat adalah seramai 227 033 orang penganggur.

1.10 SUMBER DAN BAHAN

Data pengangguran di Sabah selama 4 tahun iaitu dari tahun 2000 hingga 2003 diperolehi daripada Jabatan Tenaga Pekerja Malaysia cawangan Sabah. Data tersebut telah dikategorikan mengikut umur, jantina, tahap pendidikan, bulanan dan kawasan di



Labuan dan tujuh kawasan utama di Sabah iaitu Kota Kinabalu, Beaufort, Lahad Datu, Keningau, Tawau, Labuan, Sandakan dan Kudat. Data yang digunakan dalam kajian ini merupakan data sekunder.



BAB 2

ULASAN PERPUSTAKAAN

2.1 DEFINISI PENGANGGURAN

Satu fenomena berlaku di mana ahli ekonomi menentukan definisi pengangguran iaitu jika pengangguran didefinisikan sebagai orang yang tidak bekerja, maka kanak-kanak dan orang tua juga dikira sebagai pengangguran (Dunnet, 1997). Oleh itu, dari segi ekonomi, penduduk sesebuah negara boleh dibahagikan kepada dua golongan yang utama, iaitu penduduk yang bekerja dan penduduk bukan bekerja. Penduduk yang bekerja bermakna penduduk yang aktif dari segi ekonomi. Golongan penduduk ini terdiri daripada tenaga pekerja yang sedang bekerja dan penganggur yang sedang mencari kerja. Manakala penduduk bukan bekerja adalah penduduk yang tidak aktif dari segi ekonomi. Mereka terdiri daripada kanak-kanak, orang tua, orang yang tidak mampu bekerja contohnya orang sakit dan orang cacat, orang yang tidak mahu bekerja contohnya suri rumah tangga dan pelajar (Dunnet, 1997).

Selain itu, pengangguran juga boleh didefinisikan sebagai penduduk-penduduk yang digolongkan dalam penduduk yang bekerja tetapi tidak memberi sebarang



RUJUKAN

- Abel, A. B., 1998. *Macroeconomic*. Ed. ke-3. Addison Wesley, New York.
- Calves, A. E dan Schoumaker, B., 2004. Deteriorating economic context and changing patterns of youth employment in Urban Burkina Faso: 1980-2000. *World Development*.
- Clarke, R. C., 1999. *Elements Of Statistical Reasoring*, Ed ke-2. John Wiley & Sonsm New York.
- Courant, P. N. dan Lipsey, R. G., 1996. *Macroeconomic Environment*. Longman, London.
- Dawson, G., 1992. *Inflation And Unemployment*. Edward Elgar Publishing Company, Aldershort.
- Delong, J. B., 2002. *Macroeconomics*. Mc Graw Hill Irwin, Boston.
- Dunnett, A., 1997. *The Macroeconomic Environment*. Longman, London.
- Everitt, B. S., 1977. *The Analysis Of Contingency Tables*. Chapman And Hall, New York.
- Galiani, S., Lamarche, C., Porto, A. dan Escudero, W. S., 2004. Persistence and regional disparities in unemployment (Argentina 1980-1997). *Regional Science And Urban Economic*.
- Harms, P. dan Hefeker, C., 2003. Globalization and unemployment: the role of international diversification. *Economics Letters* 78 (2), 281-286.



Jabatan perangkaan Malaysia, 2002. *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2002*.

Kazanie dan Ramakant, 1996. *Statistic In World Of Application*. Ed. ke-4. Harpercollins, New York.

Kementerian kewangan Malaysia, 2003. *Laporan Ekonomi 2002/2003*.

Kementerian sumber manusia, 2001. *Laporan Tahunan 2001*.

Kreiner, C. T. dan Whitta-Jacobsen, J., 2002. Duration dependent unemployment benefits in trade union theory. *European Economic Review* **46** (7), 1229-1251.

Larsen, B., 2001. Minimum wages, technological progress and loss of skill. *European Economic Review* **45** (8), 1521-1544.

Lim, J. Y., 2000. The effects of the east Asian crisis on the employment of women and men: the Philippine case. *World Development* **28** (7), 1285-1306.

Mankiw, N. G., 2001. *Principles Of Macroeconomic*. Ed. ke-2. Fort Wort Philadelphia San Diego, New York.

Skans, O. N., 2004. Age effect in Swedish local labor markets. *Economics Letters*.

Weiss, N. A., 1995. *Introductory Statistics*. Ed. ke-4. Addison-Wesley Pulishing Company, New York.

Wooding, P., 1997. *Macroeconomics*. Ed. ke-2. Prentice Hall, Sydney.

